



# NEWSLETTER

DOSM/BPPAS/2.2022/Siri 44

## COVID-19 DAN IMPAK TERHADAP MAKANAN DAN PERTANIAN GLOBAL DAN MALAYSIA


Disediakan oleh: Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar

Pandemik COVID-19 telah menimbulkan cabaran besar bagi rantaian bekalan makanan di seluruh dunia. Penutupan sempadan oleh negara-negara sebagai satu langkah pencegahan COVID-19 telah menyebabkan aliran bahan mentah dan barang siap terjejas. Oleh yang demikian, secara tidak langsung wabak ini telah membuka mata dunia kepada masalah rantaian makanan sedia ada.

### PENGENALAN

Pandemik merujuk kepada wabak yang menyerang dalam skala yang besar dan boleh mengancam kawasan yang lebih luas seperti sebuah negeri, negara, benua ataupun dunia sekiranya dibiarkan melarat. Pandemik bukanlah senario baharu bagi manusia kerana telah wujud beberapa episod pelbagai pendemik dan setiap kejadian pandemik telah menjelaskan aktiviti manusia serta pertumbuhan ekonomi dunia. Pada masa ini dunia sedang menghadapi COVID-19, iaitu penyakit berjangkit yang disebabkan oleh Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus 2 (SARS-CoV-2). Kes pertama COVID-19 telah dikesan di Wilayah Wuhan (ibu kota wilayah Hubei, China). Disebabkan oleh ketegangan virus yang baharu, wabak ini telah menjangkiti orang ramai pada kadar yang membimbangkan. World Health Organization (WHO) telah mengisyiharkan wabak COVID-19 sebagai pandemik global pada 11 Mac 2020. Semasa di peringkat awal kemunculan COVID-19 ini, Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) telah meramalkan pertumbuhan ekonomi dunia menurun daripada 2.9 peratus kepada 2.4 peratus pada 2020 dan telah memberi amaran bahawa, pertumbuhan ekonomi juga mungkin mencapai hampir 1.5 peratus jika wabak itu berpanjangan<sup>[1]</sup>. International Labour Organization (ILO) telah menyatakan bahawa, "Krisis COVID-19: krisis paling teruk sejak Perang Dunia Kedua"<sup>[2]</sup>.

Rajah 1: Pandemik Utama Sejak Abad ke-20



Pertanian merupakan salah satu sektor penting untuk ekonomi dunia dan sangat diperlukan untuk keselamatan makanan dan pembangunan manusia. Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO) telah menganggarkan bahawa lebih daripada 60 peratus penduduk dunia bergantung kepada pertanian untuk kelangsungan hidup<sup>[3]</sup>. Menurut ILO, daripada jumlah penduduk dunia yang bekerja pada tahun 2019, 26.85 peratus pekerja terlibat dalam sektor pertanian<sup>[4]</sup>. Di Malaysia, 12.4 peratus daripada 15.1 juta jumlah pekerja bekerja dalam sektor pertanian. Dalam senario pandemik COVID-19 yang belum pernah berlaku sebelum ini, adalah penting untuk memahami kesan COVID-19 yang boleh mengganggu terhadap makanan dan pertanian dalam konteks global.


## KESAN COVID-19 TERHADAP MAKANAN DAN PERTANIAN

COVID-19 telah mempengaruhi semua proses yang menghubungkan pengeluaran dari peringkat ladang sehingga kepada pengguna akhir. Selain itu, ia juga melumpuhkan sistem pengeluaran makanan dan rantaian nilai makanan. Kesan negatif pandemik terhadap bekalan dan permintaan untuk makanan boleh membawa risiko kepada keselamatan makanan negara.

### i. Kesan kepada Pengeluaran dan Pengedaran Makanan

Semenjak COVID-19 melanda, kebanyakan negara di dunia telah mengambil langkah pencegahan seperti penutupan sempadan antarabangsa, perintah kawalan pergerakan, larangan perjalanan, menggalakkan bekerja dari rumah dan penutupan perniagaan untuk mengawal kadar jangkitan. Penutupan sempadan antarabangsa dan sekatan perjalanan telah menjelaskan setiap peringkat rantaian bekalan makanan dan meninggalkan kesan yang besar ke atas pengedaran makanan (Rajah 2). Sektor pertanian seperti tanaman, ternakan dan perikanan juga menerima kesan.


Rajah 2: Kesan COVID-19 kepada Setiap Peringkat Rantaian Bekalan Makanan



Di China, COVID-19 telah memberi kesan yang besar dalam pertanian ternakan kerana limitasi yang terhad untuk mengimport makanan haiwan selain daripada masalah kekurangan tenaga buruh<sup>[5]</sup>. Larangan perjalanan yang telah dikuatkuasakan oleh kebanyakan negara telah menjelaskan penghantaran stok pembiakan ayam itik. Majlis Ternakan Ayam Antarabangsa (The International Poultry Council - IPC) juga telah memberi amaran bahawa tidak akan berlaku pembiakan dan telur yang menetas jika sekatan perjalanan berpanjangan<sup>[6]</sup>. Ikan pula adalah sumber protein dan tenaga yang penting dan menyumbang lebih daripada 20 peratus daripada protein haiwan untuk 3 juta orang<sup>[7]</sup>. Aktiviti penangkapan ikan di Afrika, Asia dan Eropah telah berkurang ekoran penjarakan fizikal, bekalan input yang terhad dan kekurangan pekerja<sup>[8]</sup>.

Perkara yang sama juga berlaku terhadap aktiviti penangkapan ikan di Malaysia, yang mana jumlah tangkapan ikan seperti ikan tuna telah berkurang dari 91,675.5 tan metrik (2019) kepada 83,948.4 tan metrik (2020), menurun 8.4 peratus seperti di Rajah 3. Pernnak ikan tidak dapat menjual hasil tangkapan serta kesukaran dalam pengeluaran akuakultur kerana kekurangan benih dan makanan ikan. Memandangkan hasil pertanian kebanyakannya bersifat mudah rosak, ini menyebabkan petani terpaksa menyimpan hasil yang tidak terjual untuk jangka masa yang lebih lama yang membawa kepada pengurangan kualiti makanan serta peningkatan kos pengeluaran<sup>[8]</sup>.

**Rajah 3: Jumlah Tangkapan Ikan Laut, Malaysia, 2019 dan 2020**




Akibat daripada gangguan perdagangan global ini juga telah menyebabkan petani menghadapi kekurangan input pertanian seperti benih, baja dan racun perosak. China adalah salah satu pengeluar dan pengekspor baja utama di dunia. Penutupan sempadan di China telah menjelaskan perdagangan baja antarabangsa yang memberi kesan kepada negara pengeluar pertanian. Pandemik ini secara tidak langsung telah menjelaskan penanaman tanaman seperti jagung, bunga matahari, gandum, barli, canola dan sayur-sayuran. Oleh itu, negara yang bergantung kepada import makanan dan input pertanian telah terjejas oleh pandemik. Timun merupakan antara sayur yang diimport dari China dan perkara ini secara tidak langsung telah mengurangkan kuantiti import 3,513.9 tan metrik (Rajah 4).

**Rajah 4: Import Timun, Malaysia, 2019 dan 2020**



**Rajah 5: Gaji & upah purata, penengah dan PGK, Malaysia, 2020<sup>[9]</sup>**




Penularan COVID-19 yang tinggi telah menjelaskan kesihatan pekerja di samping masalah kekurangan tenaga buruh merupakan antara cabaran utama dalam industri pertanian. Gaji & upah purata dan penengah yang diterima oleh petani masing-masing adalah RM1,598 dan RM1,291 (Rajah 5), yang mana nilai ini adalah di bawah paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), Malaysia iaitu RM2,208. Senario ini menyebabkan mereka mempunyai sedikit simpanan atau tiada simpanan, namun perlu terus bekerja untuk kelangsungan hidup. Bagi negara yang berpendapatan rendah dan sederhana dan mempunyai perkhidmatan kesihatan dan perlindungan sosial yang minimum, petani yang bekerja secara tidak rasmi (informal) diwajibkan bekerja walaupun protokol pengasingan diri semasa pandemik COVID-19 dilaksanakan. Oleh itu, pekerja ini berisiko tinggi dijangkiti virus korona<sup>[2]</sup>.



## ii. Impak ke atas Permintaan dan Keselamatan Makanan

Keselamatan makanan merujuk kepada ketersediaan dan kebolehcapaian terhadap jumlah makanan berkhasiat yang mencukupi secara konsisten. Namun, food insecurity berlaku disebabkan terdapat pengurangan dalam aktiviti perdagangan antarabangsa, gangguan dalam rantaian bekalan dan pengeluaran makanan disebabkan COVID-19. Bekalan makanan secara umum digunakan oleh kumpulan isi rumah, industri perkhidmatan makanan dan minuman serta pelancong. Isi rumah merupakan pengguna utama kepada bekalan makanan ini. Dalam konteks Malaysia, statistik 2019 menunjukkan sumbangan isi rumah adalah 60.0 peratus diikuti industri (34.0%) dan pelancong (6.0%). Peratusan sumbangan ini mengalami perubahan kesan daripada penularan COVID-19.

Rajah 6: Pecahan Penggunaan Makanan mengikut Kumpulan Pengguna



## KESIMPULAN

Impak pandemik COVID-19 bukan sahaja terkesan kepada sektor perkhidmatan, perkilangan dan pengangkutan tetapi juga terhadap sektor pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan dan komoditi. Rantaian bekalan makanan terganggu dan menyebabkan berlaku kebimbangan global ke atas keselamatan makanan. Salah satu langkah kerajaan melalui pembukaan sempadan negara dijangka akan membantu pemulihan aktiviti ekonomi setelah sekian lama terkesan akibat pandemik COVID-19. Namun begitu, kenyataan oleh Timbalan Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC), Santhara Kumar menyatakan kemasukan pelancong luar ke negara ini dijangka mengambil sedikit masa untuk pulih sepenuhnya walaupun pintu sempadan telah dibuka sejak 1 April 2022. Hal ini kerana banyak pihak akan mengambil pendekatan ‘tunggu dan lihat’ untuk merancang percutian, lebih-lebih lagi dalam keadaan pandemik COVID-19 yang masih berlaku<sup>[10]</sup>.

Rujukan:

- (1) OECD. Coronavirus: The world economy at risk. 2020.
- (2) ILO Monitor 2nd edition: COVID-19 and the world of work. 2020.
- (3) Zavatta G. Agriculture Remains Central to the World Economy. 60% of the Population Depends on Agriculture for Survival. 2014.
- (4) WorldBank. Employment in agriculture (% of total employment) (modeled ILO estimate). 2019.
- (5) Zhang X. Chinese livestock farms struggle under COVID-19 restrictions. IFPRI Blog: Research Post. 2020.
- (6) Vorotnikov V. Coronavirus could disrupt poultry production. Poultry World. 2020.
- (7) FAO. Q and A: COVID-19 pandemic – impact on food and agriculture. 2020.
- (8) FAO. How is COVID-19 affecting the fisheries and aquaculture food systems. 2020.
- (9) Statistik Pekerjaan dan Perburuhan. Siri 30 Bil.4/2021. Kementerian Sumber Manusia.
- (10) Bernama. (13 April 2022). <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/04/13/kemasukan-pelancong-ke-malaysia-ambil-masa-untuk-pulih-kata-timbalan-menteri/>

**Penafian: Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM**